

13 MAR 2003

NAGOYA-MALAYSIA/I

PEGAWAI JEPUN YAKIN PERALIHAN KUASA DI MALAYSIA BERJALAN LANCAR

Oleh: Minggu Simon Lhasa

NAGOYA, 13 Mac (Bernama) -- Setiausaha Agung Pusat Asean-Jepun, Nobutoshi Akoa yakin Malaysia akan melalui peralihan kuasa yang lancar apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mengambil alih pada Oktober ini.

"Saya yakin perubahan kepimpinan di Malaysia akan berjalan lancar dan ia akan mencapai pertumbuhan ekonomi yang berterusan," kata beliau dalam ucapannya pada seminar mengenai "Peluang-peluang Perniagaan di Malaysia" di sini pada Rabu.

Dengan itu, tidak perlu bimbang mengenai kestabilan politik yang merupakan satu daripada faktor yang menyumbang pembangunan ekonomi Malaysia, kata beliau.

Beliau berkata unjuran ekonomi Malaysia, yang berkembang empat peratus tahun lepas, akan berkembang pada kadar yang lebih tinggi, lebih enam peratus tahun ini, menunjukkan bahawa negara telah pulih sepenuhnya daripada kelembapan yang disebabkan oleh kemelesetan ekonomi Amerika Syarikat dan kesan buruk daripada tragedi 11 Sept.

Beliau mengakui ekonomi dunia masih menghadapi ketidak tentuan kerana ketidak stabilan dalam pasaran saham Amerika Syarikat, kesan daripada kemelesetan IT yang panjang dan isu Iraq.

Bagaimanapun, beliau berkata Malaysia telah melaksanakan beberapa langkah untuk memperbaiki persekitaran pelaburan termasuk memberi insentif untuk menarik pelaburan langsung asing.

Seminar separuh hari itu yang diadakan sempena lawatan rombongan perdagangan dan pelaburan Malaysia ke Jepun, menarik kira-kira 200 peserta dari syarikat-syarikat Jepun.

Sementara itu, naib pengerusi Dewan Perniagaan dan Industri Nagoya, Jiro Takahashi, mempelawa warga Malaysia supaya menyertai pameran antarabangsa pertama Nagoya di abad baru ini yang akan berlangsung pada 2005.

"Kami telah menerima penyertaan daripada 67 negara dan enam organisasi antarabangsa," katanya sambil menjelaskan bahawa tiada satupun dari Malaysia.

Pameran berkenaan akan diadakan bersempena pembukaan Lapangan terbang Antarabangsa Chubu yang kini sedang dalam pembinaan.

Takahashi berkata apabila lapangan terbang itu siap kelak, beliau akan mendapatkan sokongan daripada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz untuk menjadikan laluan Nagoya-ke-Malaysia digunakan dengan lebih meluas bagi meningkatkan tukaran antara Malaysia dan Jepun.

Kemudiannya, semasa sesi soal jawab, Rafidah yang mengetuai rombongan perdagangan berkenaan, melahirkan keyakinan bahawa syarikat Malaysia akan menyertai pameran tersebut.

Beliau bagaimanapun tidak dapat memberi jaminan mengenai jumlah syarikat yang akan mengambil bahagian dan berkata ianya bergantung kepada syarikat-syarikat Malaysia.

Rafidah menyarankan penganjur pameran berkenaan supaya mempromosikannya di kalangan syarikat Malaysia. -- BERNAMA

MSL SD NHD